

**Kepercayaan rakyat akan terhakis  
Utusan Online  
September 08, 2011  
Oleh HASHNAN ABDULLAH**

PUTRAJAYA 7 Sept. – Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan masalah kes-kes tertunggak (backlogs) di mahkamah boleh menghakis kepercayaan rakyat terhadap sistem kehakiman dan kerajaan secara keseluruhan.

Perdana Menteri berkata, ini kerana kes-kes tertunggak yang bukan satu masalah luar biasa kepada mana-mana sistem kehakiman di dunia itu berpunca daripada ketidakcekapan pentadbiran.

“Bagaimanapun, badan kehakiman negara ini telah mengambil langkah bijak dan cepat apabila kes-kes tertunggak di semua mahkamah berjaya dikurangkan kepada hampir 90 peratus dalam masa dua tahun.

“Ia menjadikan hanya tiga per empat daripada seluruh mahkamah di Malaysia yang mempunyai kes-kes semasa iaitu kes yang didaftarkan pada tahun 2010 dan 2011,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena lawatan kerja kali pertamanya ke Istana Kehakiman di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi.

Antara pembaharuan sistem kehakiman negara yang telah dilaksanakan adalah memperkenalkan sistem teknologi berkomputer dan juga rakaman audio visual dalam mahkamah di seluruh negara, sistem rakaman dan transkripsi mahkamah, sistem e-filing, Mahkamah Dagang Baru dan Mahkamah Khas Rasuah.

Menurut Perdana Menteri, langkah pembaharuan itu telah diiktiraf oleh badan dunia seperti Bank Dunia melalui satu laporan bertajuk Malaysia Court Backlog and Delay Reduction Program: A Progress Report yang diterbitkan pada 5 September lalu.

Malah, beliau juga yakin dan percaya bahawa apa yang dilakukan oleh Badan Kehakiman Negara itu dapat menjadi contoh kepada negara-negara lain.

“Dari sudut itu saya melihat Badan Kehakiman telah bergerak seiring dengan badan dan jabatan kerajaan yang lain dan tidak ditinggalkan dengan arus kemodenan dan kecanggihan teknologi.

“Sehubungan itu, saya berharap agar program transformasi ini dapat diteruskan dengan pelbagai idea dan inovasi baru bagi memantapkan serta mengukuhkan lagi Badan Kehakiman,” katanya.

Dalam ucapan yang sama, Najib berkata, kerajaan kini sedang meneliti cadangan bagi menaik taraf jawatan Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret.

Copyright © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0908&pub=utusan\\_malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_03.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0908&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_03.htm&arc=hive)